

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-595 BIL.1/2024  
23 JANUARI 2024**

---

**1. MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI DAN PERSATUAN ORANG PEKAK PULAU PINANG (PDA)**

MBSP telah bekerjasama dengan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang (PDA) sejak tahun 2017 dan MOU ini diteruskan sehingga 31 Disember 2023.

Pada tahun 2024, MBSP akan meneruskan lagi kerjasama dengan PDA dengan menandatangani MOU selama dua (2) tahun mulai 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2025. Majlis menandatangani MOU ini akan diadakan selepas Mesyuarat Majlis Penuh.

MBSP memperkenalkan konsep inklusif dengan menyediakan jurubahasa isyarat dalam Mesyuarat Majlis Penuh, Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis, Majlis Perhimpunan Korporat Bandaraya dan program lain yang dianjurkan oleh MBSP.

Pendekatan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada penduduk Seberang Perai khususnya golongan OKU untuk sama-sama menerima maklumat yang ingin disampaikan oleh MBSP.

## 2. SEBERANG PERAI CYCLING DAY (SPCD)

Seberang Perai *Cycling Day* (SPCD) akan mula diadakan pada tahun 2024 untuk merancakkan lagi program merakyatkan MBSP bersama golongan sukan berbasikal.

MBSP sudah tidak asing lagi dengan sukan berbasikal. Pada tahun 2023, MBSP telah berjaya menganjurkan Seberang Perai *Fellowship Ride 2023* yang melibatkan penyertaan peserta dari pelososok Seberang Perai dan juga negeri-negeri berjiran. Sehubungan itu, satu program baru berbasikal akan diadakan pada tahun 2024 ini dan ianya melibatkan aktiviti kayuhan santai bersama orang awam yang akan diadakan setiap bulan secara percuma. MBSP akan mengeluarkan jadual lokasi dan tarikh program dalam masa terdekat dan orang ramai peminat sukan berbasikal boleh bersama-sama menyertai program ini.

Setiap peserta akan dibekalkan minuman dan makanan pagi secara percuma selepas acara tamat dan tiada halangan kepada jenis basikal dan peringkat umur peserta. Program Seberang Perai *Cycling Day* ini adalah bertujuan untuk memupuk budaya bersukan dan beriadah di kalangan penduduk Seberang Perai di samping memesrakan MBSP di mata orang awam. Selain itu, program ini juga akan berubah-ubah lokasi di seluruh Seberang Perai sekaligus membuka mata peserta pada tempat-tempat cantik dan menarik di Seberang Perai.

Setiap bulan selama setahun kecuali bulan Ramadhan akan diadakan SPCD ini. Pelbagai hadiah menarik dan sijil penyertaan akan diberikan kepada peserta-peserta yang menyertai paling banyak untuk acara SPCD ini.

### **3. SAMBUTAN HARI TANAH LEMBAP SEDUNIA (*WORLD WETLAND DAY CELEBRATIONS*)**

Majlis Bandaraya Seberang Perai akan menganjurkan *World Wetland Day Celebrations* atau dikenali sebagai Sambutan Hari Tanah Lembap Sedunia pada 27 Januari 2024 (Sabtu) bermula 2.00 petang sehingga 5.00 petang di Jeti Nelayan Sungai Tembus, Penaga. Sambutan ini adalah sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran bagi kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan tanah lembap (wetlands) kepada biodiversiti. Pelbagai program menarik seperti *boat tour* di laluan burung hijrah Penaga, pelancaran laman web *Shorebirds Malaysia*, demonstrasi pergelangan burung daripada Jabatan Perhilitan dan sebagainya. Semua komuniti Seberang Perai adalah dijemput hadir.

#### **4. PEMAKLUMAN PENUTUPAN SEMENTARA KAUNTER MBSP CAWANGAN KAMPUNG JAWA**

Dimaklumkan bahawa operasi Kaunter MBSP Cawangan Kampung Jawa, Butterworth akan ditutup bagi memberi laluan kepada kerja-kerja naiktaraf mulai 01 Februari 2024 dan jangkaan siap dalam tempoh enam (6) bulan. Sehubungan itu, semua perkhidmatan dan kakitangan akan ditempatkan sementara di Kaunter Berpusat MBSP Bandar Perda sepanjang tempoh kerja-kerja naiktaraf dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, MBSP akan melaksanakan operasi kaunter bergerak di perkarangan Kompleks Makanan Kampung Jawa, Butterworth pada setiap hari Isnin, mulai jam 8.30 pagi sehingga 1.00 tengah hari sebagai inisiatif bagi memberi kemudahan bayaran kepada penduduk sekitar.

Selain itu juga, MBSP turut menggalakkan semua warga Seberang Perai untuk menggunakan perkhidmatan atas talian melalui saluran *Cyber Counter* yang disediakan di laman sesawang MBSP bagi memudahkan urusan.

#### **5. SAMBUTAN HARI THAIPUSAM**

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam kepada seluruh penduduk Seberang Perai yang beragama Hindu yang akan disambut pada 25 Januari 2024 (Khamis) yang diisytiharkan sebagai cuti umum di negeri Pulau Pinang.

## **6. SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA**

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu Cina kepada seluruh penduduk Seberang Perai yang berbangsa cina. Tahun Baharu Cina ini akan disambut pada 10 Februari 2024 (Sabtu) dan tahun 2024 merupakan tahun naga. Cuti umum bagi sambutan Tahun Baharu Cina di Negeri Pulau Pinang adalah pada 10 dan 11 Februari 2024.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**